

KEBERKESANAN REKABENTUK INJAP DAN KESAN TEDUHAN PADA
BUBU TERHADAP HASIL TANGKAPAN

SAIFULLAH ARIFIN BIN JAAMAN © SHARMAN

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

1993

**KEBERKESANAN REKABENTUK INJAP DAN KESAN TEDUHAN PADA BUBU
TERHADAP HASIL TANGKAPAN**

Oleh

SAIFULLAH ARIFIN BIN JAAMAN @ SHARMAN

Laporan Projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan
untuk mendapatkan Ijazah Bacelor Sains Perikanan.

FAKULTI PERIKANAN DAN SAINS SAMUDERA

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

SERDANG, SELANGOR

1993

1100023736

200002808

PENGHARGAAN

Bismillahirrohmannirrahim.

Bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan kehendakNya maka dapatlah saya menyiapkan projek dan laporan projek ini dengan jayanya.

Di sini ingin saya merakamkan ucapan terima kasih kepada penyelia projek saya, Dr. Haji Sakri b. Ibrahim yang telah memberikan kerjasama dan bimbingan dalam rangka menyiapkan projek ini.

Istimewa sekali kepada seluruh anggota keluarga dan teman setia saya yang telah banyak memberikan semangat, dorongan dan nasihat supaya terus berjuang mencapai kejayaan dalam pelajaran dan sepanjang tempoh pengajian saya di kampus ini.

Tidak ketinggalan juga kepada semua juruteknik bengkel pukut dan kakitangan bot UNIPERTAMA I, Pusat Perikanan dan Sains Samudera, Universiti Pertanian Malaysia, Kuala Terengganu serta rakan-rakan seperjuangan yang telah terlibat secara langsung atau tidak dalam usaha saya menyiapkan projek ini. Terima kasih saya ucapkan. Semoga Allah s.w.t. mengurniakan rahmatNya kepada kita semua.

Wassalam.

ABSTRAK

Kajian keberkesanan rekabentuk injap dan kesan teduhan pada 8 buah bubu telah dijalankan diperairan Pulau Kapas, Terengganu. Sebanyak 9 operasi penyampelan telah dijalankan pada waktu siang dengan masa rendaman purata setiap bubu selama 7 jam 50 minit. Bubu direndam di dua lokasi yang berbeza iaitu Stesen 1 ($5^{\circ}14.25'U / 103^{\circ}15.50'T$) pada kedalaman 16 meter dan Stesen 2 ($5^{\circ}13.45'U / 103^{\circ}16.35'T$) dengan kedalaman 20 meter.

Daripada kajian, didapati 7 spesies utama telah berjaya ditangkap dan dikenalpasti iaitu *Nemipterus spp.*, *Chiloscyllium indicum*, *Lutianus kasmira*, *Ephinephelus spp.*, *Siganus javus*, *Pentapodus setiosus* dan *Upeneus sulphureus*. Keseluruhannya, sebanyak 210 ekor ikan telah ditangkap dan *Nemipterus spp.* merupakan spesies dominan dengan jumlah tangkapan sebanyak 79 ekor (37.62%). Bubu berinjak buluh tajam didapati lebih efektif menangkap ikan berbanding dengan bubu berinjak standard dan kesemua spesies utama juga menunjukkan jumlah tangkapan yang lebih tinggi oleh bubu berinjak buluh tajam. Namun demikian, secara keseluruhannya didapati bubu bertutup memperolehi hasil tangkapan yang lebih rendah dari bubu terdedah. Hanya *Chiloscyllium indicum* dan *Siganus javus* mempunyai rangsangan positif untuk memasuki dan tertangkap oleh bubu bertutup.

ABSTRACT

A study of funnel entrance effectiveness and abatement effect for 8 fish pots were carried out around Kapas Island, Terengganu. Nine sampling trips were done on day time with an average immersion time of 7 hours and 50 minutes each. Pots were placed at 2 different location. Station 1 (5°14.25'N / 103°15.50'E) at 16 meters depth and Station 2 (5°13.45'N / 103°16.35'E) at 20 meters depth.

Seven fish species were successfully caught and identified. They were *Nemipterus spp.*, *Chiloscyllium indicum*, *Lutianus kasmira*, *Ephinephelus spp.*, *Siganus javus*, *Pentapodus setiosus* and *Upeneus sulphureus*. The total catch was 210 fishes and *Nemipterus spp.* was found dominan with 79 fishes (37.62%). Pots with sharp bamboo funnel entrance were more effective to catch fish than standard funnel entrance. All main fish species were also caught higher by pots with sharp bamboo funnel entrance than standard funnel entrance. However, covered pots were found cathing fish lower than uncovered pots. It was also found that only *Chiloscyllium indicum* and *Siganus javus* have positive reaction to swim in and caught by covered pots.